

## BINCANG, BERKONGSI ASPEK PRAKTIKAL 'JUDGE CRAFT'



MAHKAMAH Besar Negara Brunei Darussalam (NBD) dan Suruhanjaya Tinggi British di NBD menganjurkan siri seminar secara maya yang disampaikan oleh pakar dari United Kingdom (UK) Lynn Foundation yang dihadiri oleh Yang Amat Arif Ketua Hakim Besar NBD dan Yang Berhormat Peguam Negara.

**Siaran Akhbar dan Foto : Mahkamah Sivil**

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Ahad, 14 November. - Mahkamah Besar Negara Brunei Darussalam (NBD) dan Suruhanjaya Tinggi British di NBD menganjurkan siri seminar secara maya yang disampaikan oleh pakar dari United Kingdom (UK) Lynn Foundation, baru-baru ini.

Siri seminar dua bahagian tersebut menawarkan peluang kepada Ahli-ahli Fraternities Undang-Undang dari NBD dan UK untuk berbincang dan berkongsi pandangan.

Pada seminar tersebut, Hakim Mahkamah Tinggi England and Wales, Yang Berhormat Justice Maura McGowan DBE telah menyampaikan mengenai

Judgment Writing pada 13 November 2021.

Seminar ini diadakan bertujuan untuk membincangkan dan berkongsi aspek praktikal judge craft dan menawarkan nasihat mengenai seni penulisan penghakiman yang baik dan kukuh.

Hadir pada seminar tersebut bersama-sama Ketua Hakim Mahkamah Besar NBD, Yang Amat Arif Dato Seri Paduka Steven Chong ialah Peguam Negara, Yang Berhormat Awang Haji Ahmad bin Pehin Orang Kaya Laila Setia Bakti Di-Raja Dato Laila Utama Haji Awang Isa; Pesuruhjaya Tinggi British ke Negara Brunei Darussalam, Tuan Yang Terutama John Virgoe dan

dari Lynn Foundation, Yang Amat Berhormat Sir Peter Gross dan Yang Berhormat Justice Maura McGowan DBE.

Acara dimulakan dengan ucapan alu-aluan daripada Ketua Hakim Mahkamah Besar NBD, Yang Amat Arif Dato Seri Paduka Steven Chong.

"Dalam mengejar keadilan, penilaian jelas dan ringkas pada penghakiman dapat membantu pengguna mahkamah dan orang awam secara umumnya dalam pemahaman dan penerimaan keputusan mahkamah. Dengan secara konsensus berusaha untuk memberikan pertimbangan yang adil dan berkesan. Ini merupakan satu cara untuk mencapai objektif yang universal - menjadi resolusi yang adil dalam pertikaian," ucap Yang

Amat Arif.

Yang Amat Arif Ketua Hakim Mahkamah Besar NBD turut menyatakan penghargaan kepada Suruhanjaya Tinggi British di NBD atas sokongan berterusan terhadap badan kehakiman dalam menyediakan latihan dan program pembangunan untuk hakim-hakim dan pegawai-pegawai kehakiman di NBD.

"Sepanjang kursus beberapa tahun kebelakangan ini, hubungan kami dengan rakan sejawatan di UK telah berkembang dengan erat dan Suruhanjaya Tinggi British telah banyak membantu kami dalam memudahkan perkongsian pengetahuan dan amalan terbaik di seluruh badan kehakiman di negara ini.

"Dengan perkongsian secara berterusan ini adalah bukti komitmen kami terhadap kedaulatan undang-undang kedua-duanya di dalam dan luar negara dan menunjukkan kepercayaan dan keyakinan yang diletakkan di dalam integriti sistem keadilan NBD," tambahnya lagi.

Pesuruhjaya Tinggi British ke NBD pada ucapan alu-aluannya, mengakui hubungan rapat dan sokongan antara UK dan NBD, dengan kerjasama dalam bidang kehakiman menjadi bidang perkongsian penting untuk UK.

"UK mempunyai tradisi yang membanggakan dalam memperjuangkan Peraturan Undang-Undang Antarabangsa dan Peraturan Berasaskan Sistem Antarabangsa.

"Kami sangat senang kerana dapat bekerjasama rapat dengan rakan-rakan kami di NBD dalam beberapa aktiviti untuk mempromosikan kerjasama

kehakiman termasuk melalui peluang untuk pembinaan kapasiti dan peluang untuk belajar antara satu sama lain. Kami berharap dengan adanya seminar seperti ini akan lebih banyak diadakan sebagai sebahagian daripada kerjasama kehakiman UK-NBD," tambahnya lagi.

Presiden UK Lynn Foundation, Yang Amat Berhormat Sir Peter Gross telah melawat NBD pada tahun 2019 untuk menyampaikan kuliah dan merupakan sebahagian daripada perbincangan panel mengenai pengurusan kes mahkamah.

"Lynn Foundation komited untuk meningkatkan kedaulatan undang-undang pada peringkat antarabangsa dan dalam semangat setia kawan, berharap untuk membangunkan hubungan yang erat dengan rakan-rakan kehakiman dan perundangan di NBD, berdasarkan perkongsian warisan undang-undang bersama dan membina hubungan kerjasama yang panjang antara NBD dan UK, termasuk kerjasama kehakiman yang sangat dihargai.

"Lynn Foundation amat berterima kasih kepada Suruhanjaya Tinggi British kerana memudahkan perjalanan kuliah bersiri tersebut," tambah Yang Amat Berhormat Sir Peter Gross lagi.

Pakar British berasal dari UK Lynn Foundation, merupakan badan amal yang berpangkalan di UK yang bekerja dengan hakim kanan dan institusi keadilan di seluruh dunia untuk meningkatkan kedaulatan undang-undang, dan untuk meningkatkan pemahaman profesional tentang hak asasi manusia, pengantaraan dan amalan undang-undang.

## Dasar, pemanduan persatuan tumpuan Mesyuarat ALA



**Siaran Akhbar dan Foto : Pejabat Peguam Negara**

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Sabtu, 13 November. - Mesyuarat Ke-42 Majlis Tadbir Persatuan Undang-undang ASEAN (ALA) diadakan pada 11 November 2021, melalui persidangan video.

Dianjurkan oleh ALA Kemboja, mesyuarat itu dihadiri oleh Ahli-ahli Majlis Tadbir yang terdiri daripada Ketua Hakim Negara, Hakim Mahkamah Agung, Peguam Negara, ahli akademik

undang-undang, pengamal undang-undang dan pegawai undang-undang kerajaan yang dilantik oleh Jawatankuasa Kebangsaan setiap negara.

Sebagai badan pengelola ALA, Majlis Tadbir bersidang setiap tahun untuk membincangkan

MESYUARAT Ke-42 Majlis Tadbir Persatuan Undang-undang ASEAN (ALA) disertai oleh Delegasi Negara Brunei Darussalam (NBD) yang diketuai oleh Yang Berhormat Peguam Negara, dalam kapasitinya sebagai Pengurus Jawatankuasa Kebangsaan ALA NBD, yang diadakan melalui persidangan video.

pelbagai perkara yang berkaitan dengan dasar dan pemanduan persatuan, seperti penubuhan Jawatankuasa Tetap, pelantikan pegawai ALA, menentukan agenda untuk sesi Perhimpunan Agung dan mempertimbangkan laporan atau kertas kerja yang dikemukakan oleh Jawatankuasa Tetap dan Pasukan Petugasnya.

Delegasi Negara Brunei Darussalam (NBD) diketuai oleh Peguam Negara, Yang Berhormat Awang Haji Ahmad bin Pehin Orang Kaya Laila Setia Bakti Di-Raja Dato Laila Utama Haji Awang Isa dalam kapasitinya sebagai Pengurus Jawatankuasa Kebangsaan ALA NBD.

Delegasi NBD terdiri daripada Pegawai Kanan Pejabat Peguam Negara, anggota Badan Kehakiman, pengamal swasta dari Persatuan Undang-undang dan wakil dari Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA).

Mesyuarat tersebut

dipengerusikan oleh Pengurus ALA Kemboja, Yang Berhormat Peguam Ly Chantola; dan turut dihadiri oleh Presiden ALA, Yang Berhormat Ketua Hakim Negara, Sundareswaran Menon; dan Setiausaha Agung ALA, Hakim Paul Quan.

Pada mesyuarat itu, Majlis Tadbir mempertimbangkan dan bersetuju supaya tempoh jawatan Presiden dan Setiausaha Agung ALA sekarang dilanjutkan sehingga Perhimpunan Undang-undang ASEAN Ke-14 yang akan bersidang di Malaysia pada tahun 2023 serta beberapa perkara lain, seperti ASEAN Pelan Kerja Institut Undang-undang 2021 dan 2022; Garis Panduan ALA mengenai Amalan Terbaik Penguatkuasaan Anugerah Timbang Tara dalam ASEAN; dan laporan mengenai kerja-kerja Jawatankuasa Tetap ALA.

Di samping itu, Majlis Tadbir mengesahkan beberapa inisiatif baharu yang telah dikemukakan oleh Jawatankuasa Tetap ALA, termasuk penubuhan Pusat Undang-undang ASEAN, Tempat Kerja Maya, pembinaan kesedaran mengenai Undang-undang ASEAN dan pembangunan Peguam ASEAN, dan yang lainnya.

Mesyuarat Majlis Tadbir seterusnya akan dianjurkan oleh ALA Indonesia pada tahun 2022.